



LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA

Tkt 17, Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur
Tel: 603-26967999/7809/7803/8140/8142
Fax: 603-26925680
E-mail: info@bqsm.gov.my
Website : www.bqsm.gov.my

Yang Di Pertua: DATO' ABDULL MANAF BIN HJ. HASHIM
DIMP, AMN, AMTP, PJC
Pendaftar: ABD. SHUKOR BIN IBRAHIM
AMP, MIS (M)
Setiausaha: PUAN RATNA MAHYUDDIN
FISM

(162)dlm.KKR/LJBM/702(1) Jld.16 - 09/10/1583
20 Oktober 2009

Kepada :

Semua Firma Juruukur Bahan Perunding & Firma Praktis Pelbagai Disiplin

Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

Pembaharuan Permit Pendaftaran Firma Juruukur Bahan Perunding & Firma Praktis Pelbagai Disiplin Bagi Tahun 2010

Adalah dimaklumkan bahawa permit pendaftaran firma Juruukur Bahan Perunding & firma Praktis Pelbagai Disiplin Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) akan tamat tempohnya pada 31.12.2009 dan perlu diperbaharui bagi tahun **2010**. Firma Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan adalah dikehendaki memohon untuk memperbaharui permit firma Juruukur Bahan Perunding & firma Praktis Pelbagai Disiplin bagi tahun 2010 sebelum atau pada 31.1.2010. Sila ambil maklum bahawa Mesyuarat Lembaga yang bersidang pada 6.10.2009 telah menetapkan bahawa semua kategori permohonan pembaharuan pendaftaran bagi tahun 2010 **wajib** dibuat secara 'online' melalui aplikasi ReQSys di laman web LJBM, <http://bqsm.gov.my/reqsys/public/user/login.php>. Pemohonan pembaharuan permit pendaftaran firma Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan tidak akan dilayan sekiranya Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan gagal memperbaharui permit pendaftaran firma Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan secara online walaupun LJBM menerima bayaran pembaharuan dan dokumen-dokumen yang dikehendaki.

2. Untuk memperbaharui pendaftaran, sila ikut langkah-langkah yang tertera di Lampiran A/2010/Firma.

3. Sila ambil maklum bahawa permit tahun 2010 hanya akan dikeluarkan selepas semua prinsipal/ rakangkongsi/ pengarah firma Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan telah memperbaharui pendaftaran Juruukur Bahan berdaftar mereka bagi tahun 2010.

4. Sila ambil perhatian bahawa **permohonan pembaharuan permit pendaftaran yang diterima sebelum 31.01.2010 tetapi dokumen yang dihantar tidak lengkap akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Lembaga pada bulan Februari/Mac untuk pembatalan dan akan dikenakan kos pentadbiran sebanyak RM100.00**. Pendaftaran yang dibatalkan boleh diaktifkan semula dengan membuat permohonan pemasukan semula seperti yang tertera di perkara 6 yang berikut.

5. Sekiranya Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan gagal memperbaharui permit tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, LJBM boleh menganggap bahawa firma Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan tidak berminat lagi untuk berdaftar dengan LJBM dan membatalkan pendaftaran firma Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan secara automatik berkuatkuasa 1.2.2010 dan nama firma Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan akan dikeluarkan dari Daftar LJBM. Mengikut Seksyen 7A dan Seksyen 7B Akta Juruukur Bahan 1967, firma Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan yang telah dibatalkan tidak dibenarkan beramal sebagai firma Juruukur Bahan Perunding & firma Praktis Pelbagai Disiplin.

6. Untuk pemulihan permit pendaftaran (**reinstatement**) bagi tahun 2010, Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan hendaklah memohon secara online. Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/puan perlu mengemukakan bayaran seperti berikut (Kaedah 23 (B), Kaedah-Kaedah Juruukur Bahan 1973 dan Pindaan 2004 dirujuk):

i)	Fee pembaharuan 2010	- RM 1,000.00
ii)	Fee pendaftaran semula	- RM 1,000.00
iii)	Fee pentadbiran (tidak akan dikembalikan)	- <u>RM 100.00</u>
	Jumlah yang perlu dibayar	- <u>RM 2,100.00</u>

7. Semua firma Juruukur Bahan Perunding & firma Praktis Pelbagai Disiplin juga diingatkan untuk mengambil perhatian terhadap peruntukan Kaedah 28 di dalam Kaedah-kaedah Juruukur Bahan (Pindaan) 2004 yang berbaca seperti berikut:-

28(1) "Before accepting an appointment, a registered Quantity Surveyor shall notify his client in writing of the prevailing terms and conditions contained in the Memorandum of Agreement Between The Client and The Consulting Quantity Surveyor For Professional Quantity Surveying Services (hereinafter referred to as the "Memorandum of Agreement") as determined by the Board.

(2) Within thirty days of the receipt of the written confirmation of the appointment of the registered Quantity Surveyors as a consulting Quantity Surveyor, the registered Quantity Surveyor shall notify the Board of such appointment by submitting to the Board a copy of the letter of appointment or Memorandum of Agreement duly signed between him and his client".

8. Untuk maklumat lanjut mengenai pembaharuan pendaftaran secara online, sila hubungi urusetia LJBM di talian 03-26968147, 03-26968140, 03-26967809, 03-26967999.

Sekian untuk makluman dan tindakan Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan selanjutnya.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Dengan Perintah Lembaga,

Abd Shukor Ibrahim
Pendaftar
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia



LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
PEMBAHARUAN PENDAFTARAN BAGI TAHUN 2010
FIRMA JURUUKUR BAHAN PERUNDING & FIRMA PRAKTIS PELBAGAI DISIPLIN

Langkah-Langkah	Huraian	Tandakan √ jika tindakan telah diambil
<p>1 Buat bayaran pembaharuan pendaftaran</p> <p>Isi maklumat di bawah:</p> <p>Amaun: RM <input type="text"/></p> <p>No. resit internet banking/ cek/ wang pos/ kiriman wang/ bank draft: <input type="text"/></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran pembaharuan pendaftaran = RM1,000.00 • Tambahan RM15.00 untuk perkhidmatan penghantaran sijil melalui kourier. • Wang tunai tidak diterima bagi pembaharuan pendaftaran. <p><u>Cara Bayaran:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Internet Banking - CIMB Clicks/ CIMB Bizz Channel (pengguna CIMB Bank); www.cimbbank.com.my 2. Internet Banking - CIMB Bazaar (pengguna Maybank, RHB Bank, Hong Leong Bank, Public Bank & Bank Islam); www.cimbbank.com.my 3. Cek berpaling/ wang pos / kiriman wang/ bank draft di atas nama "Lembaga Juruukur Bahan Malaysia" (tambahan 50 sen komisyen bagi cek luar kawasan); <p><u>Nota:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Rujuk laman web LJBM untuk panduan membuat pembayaran secara online (CIMB Clicks/ CIMB Bizz Channel/ CIMB Bazaar). 	<input type="checkbox"/>
<p>2 Sediakan dokumen-dokumen yang diperlukan</p>	<p><u>Dokumen:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Sesalinalan profil firma atau `curriculum-vitae' yang terkini • Sesalinalan Borang A, KWSP yang terkini • Sesalinalan contoh kepalasurat firma yang terkini 	<input type="checkbox"/>
<p>3 Perbaharui pendaftaran secara online</p>	<p>URL: http://bqsm.gov.my/reqsys/public/user/login.php</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nombor rujukan bayaran diperlukan semasa permohonan pembaharuan dibuat. • Rujuk panduan membuat pembaharuan pendaftaran secara online di laman web LJBM 	<input type="checkbox"/>
<p>4 Hantar dokumen ke pejabat LJBM</p>	<p><u>Senarai dokumen:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> (i) Lampiran A/2010/Firma yang telah lengkap diisi dan bertanda ✓ (ii) Sesalinalan profil firma atau `curriculum-vitae' yang terkini (iii) Sesalinalan Borang A, KWSP yang terkini (iv) Sesalinalan contoh kepalasurat firma yang terkini <p>Alamat pejabat LJBM: Pendaftar Lembaga Juruukur Bahan Malaysia Tingkat 17, Ibu Pejabat JKR Jalan Sultan Salahuddin 50582 Kuala Lumpur Faks: 03-26925680</p>	<input type="checkbox"/>

Tandatangan:

Nama Firma:.....

Nama:

No. Permit Pendaftaran:

Jawatan:

Tarikh: